

**PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM
AKTIVITI EKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI
KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD,
SABAH**



GEETHA THEVARAZEN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2023

**PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM
AKTIVITI EKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI
KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD,
SABAH**

GEETHA THEVARAZEN



UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM
AKTIVITI EKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI
KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **GEETHA THEVARAZEN**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

.....
GEETHA THEVARAZEN
MA 1911080T

.....
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 25 September 2023

.....
(Prof. Dr. Rosazman Hussin)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Saya Geetha Thevarazen mengakui bahawa Tesis Sarjana Sains Sosial dengan Kepujian Sosiologi dan Antropologi Sosial yang bertajuk "PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM AKTIVITIEKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD, SABAH adalah hasil usaha saya sendiri, kecuali beberapa ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 September 2023



.....
Geetha Thevarazen
MA 1911080T

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **GEETHA THEVARAZEN**
NO. MATRIK : **MA 1911080T**
TAJUK : **PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM
AKTIVITI EKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI
KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD, SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**
TARIKH VIVA : **14 MAC 2023**



DISAHKAN OLEH ;

UTMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan,

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Rosazman Hussin

2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Badariah Binti Saibeh

PENGHARGAAN


Aum Namashivaya. Syukur kepada Tuhan yang disanjung kerana dengan izin-Nya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Penghasilan tesis ini tidak akan berjaya tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Dengan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah iaitu Prof Dr Rosazman Hussin atas dorongan dan komen membina yang diberikan semasa proses penyelidikan dijalankan. Begitu juga dengan semua pensyarah SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL yang turut memberikan sokongan dan dorongan kepada saya.

Tidak dilupakan juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya ibu bapa dan adik-beradik saya atas bantuan moral dan kewangan yang disumbangkan. Tanpa sokongan mereka saya tidak akan dapat menghabiskan kajian ini. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan terutamanya Nevashiny dan Rozaliza yang banyak berkongsi suka dan duka sepanjang penyelidikan dijalankan. Diharapkan kajian ini mampu memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada para pengkaji akan datang.

Sekian dan Terima Kasih.

Geetha Thevarazen
2023




ABSTRAK

PENGLIBATAN DAN CABARAN KOMUNITI DALAM AKTIVITI EKOPELANCONGAN: KAJIAN KES DI KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD, SABAH.

Penglibatan ahli komuniti dalam ekopelancongan di kebanyakan negara sedang membangun seperti negeri Sabah, Malaysia adalah suatu yang signifikan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan taraf hidup mereka yang tinggal di luar bandar. Namun, untuk mencapai Hasrat tersebut pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh ahli komuniti dan juga pihak berkepentingan yang menyokong usaha tersebut. Justeru, isu tahap penglibatan ahli komuniti dalam ekopelancongan serta kejayaan atau kegagalan mereka meningkatkan tahap sosio-ekonomi adalah merupakan permasalahan utama bagi kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah mengetahui perkembangan aktiviti ekopelancongan di Kg Terintidon. Selain itu, kajian ini akan memfokus kepada faktor dan tahap penglibatan ahli komuniti dalam aktiviti ekopelancongan; objektif seterusnya adalah mengkaji cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Dalam kaedah ini, temu bual mendalam dengan 11 informan telah dilakukan termasuk pemerhatian langsung. Namun begitu, kaedah kutipan data kuantitatif seperti survei dengan menggunakan boring soal selidik juga digunakan untuk mendapatkan data sokongan. Seramai 73 orang responden terlibat dalam aktiviti ekopelancongan telah disoal selidik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat aktiviti ekopelancongan yang diadakan oleh ahli komuniti di Kg Terintidon iaitu aktiviti rekreasi Sungai Sisipon, aktiviti trekking bukit Garas, aktiviti perkhemahan dan aktiviti Kebudayaan. Faktor yang mendorong ahli komuniti untuk turut serta dalam aktiviti ekopelancongan adalah seperti, faktor minat, ingin memperolehi pendapatan sampingan, ingin memajukan ekonomi tempatan, ingin mempersembahkan keunikan budaya. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh ahli komuniti untuk terlibat dalam aktiviti ekopelancongan di Kampung Terintidon adalah kekurangan peruntukan kewangan, impak wabak Covid-19, aspek keselamatan kurang baik dan kursus Latihan kemahiran masih terhad. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan impak positif yang dihadapi oleh ahli komuniti adalah lebih dominan daripada impak negatif. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan

penglibatan ahli komuniti secara sendiri iaitu berasaskan tipologi Pretty (1995). Sekiranya, penglibatan ahli komuniti dalam pembangunan aktiviti ekopelancongan diteruskan maka ia membantu dalam mencapai pembangunan ekopelancongan yang mapan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The involvement of community members in ecotourism in most developing countries such as the state of Sabah, Malaysia is significant to improve the socio-economic level and standard of living of those living in rural areas. However, in order to achieve that goal, there are need the effort of stakeholders support to overcome the challenges that have to be faced by community members. Therefore, the issue of the level of involvement of community members in ecotourism as well as their success or failure in improving the socio-economic level is the main focus of this study. The main objective of this study is to know the development of ecotourism activities in Kg. Terintidon. In addition, this study will focus on the factors and level of involvement of community members in ecotourism activities; The next objective is to study the challenges faced by community members. In this study, the researcher has applied a qualitative approach. In this method, in-depth interviews with 11 informants were conducted including direct observation. Nevertheless, quantitative data collection methods such as surveys using boring questionnaires are also used to obtain supporting data. A total of 73 respondents involved in ecotourism activities were surveyed. The findings of the study show that there are four ecotourism activities held by community members in Kg Terintidon, namely Sungai Sisipon recreational activities, Garas Hill trekking activities, camping activities and Cultural activities. Factors that encourage community members to participate in ecotourism activities are such as, interest factors, wanting to earn side income, wanting to develop the local economy, wanting to present cultural uniqueness. Among the main challenges faced by community members to get involved in ecotourism activities in Kg. Terintidon is the lack of financial allocation, the impact of the Covid-19 epidemic, the security aspect is not good and the skills training course is still limited. Overall, the findings show that the positive impact faced by community members is more dominant than the negative impact. In general, this study shows the involvement of community members independently which is based on Pretty's typology (1995). If, the involvement of community members in the development of ecotourism activities continues then it helps in achieving sustainable ecotourism development.

KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI PETA	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Konsep Utama Kajian	5
1.3 Latar Belakang Lokasi Kajian	10
1.4 Permasalahan Kajian	12
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Objektif Kajian	15
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Kesimpulan	18

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Teoritikal Perspektif	19
2.2.1	Teori Pembangunan Pelancongan Mapan	19
2.2.2	Teori Iritasi Index Oleh Doxey (1975)	22
2.2.3	Teori Tipologi Penglibatan Pretty (1995)	26
2.3	Ulasan Kajian Lepas	
2.3.1	Ulasan Kajian Lepas Mengenai Impak Ke Atas Komuniti Setempat	30
2.3.2	Ulasan Kajian Lepas Mengenai Penglibatan Ahli Komuniti dalam Pembangunan Pelancongan	42
2.4	Jurang Kajian Lepas Berbanding Kajian Ini	52
2.5	Kerangka Konseptual Awal Kajian	52
2.6	Kesimpulan	52

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Metodologi Kajian	54
3.2.1	Pendekatan Kualitatif	55
3.3	Kaedah Kutipan Data	57
3.3.1	Temu Bual Mendalam	57
3.3.2	Pemerhatian Tidak Langsung	60
3.3.3	Survei Melalui Borang Soal Selidik	64
3.3.4	Sumber Sekunder	66
3.4	Persampelan Bertujuan	67
3.5	Kaedah Analisis Data	68
3.5.1	Analisis Data kualitatif	68
3.5.2	Analisis Data Kuantitatif	71
3.6	Kesimpulan	72

BAB 4: SEJARAH KG TERINTIDON, PROFIL INFORMAN DAN DEMOGRAFI RESPONDEN.

4.1	Pengenalan	73
4.2	Sejarah Penubuhan Kampung Terintidon	73
4.2.1	Hubungan Antara Persatuan-Persatuan Yang Ditubuhkan Di Kg Terintidon	77
4.3	Profil Informan Utama	84
4.4	Demografi Responden	85
4.5	Kesimpulan	89

BAB 5: PERKEMBANGAN PERSATUAN DAN AKTIVITI EKOPELANCONGAN DI KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD.

5.1	Pengenalan	91
5.2	Dapatan 1: Perkembangan Ekopelancongan	
5.2.1	Peringkat Awal	91
5.2.2	Peringkat Pertengahan	96
5.2.3	Peringkat Masa Kini	99
A)	Perkembangan dari Aspek Menaik Taraf Kemudahan	99
B)	Peranan Persatuan Pelancongan Kadamaian Sabah (KATA)	107
5.3	Aktiviti Ekopelancongan yang Terdapat di Kg Terintidon	113
5.4	Dapatan 2: Faktor Ahli Komuniti Terlibat dalam Aktiviti Ekopelancongan	119
5.5	Faktor Komuniti Setempat Tidak Terlibat dalam Aktiviti Ekopelancongan	127
5.6	Kesimpulan	129

BAB 6: TAHAP PENGLIBATAN DAN CABARAN AHLI KOMUNITI DALAM AKTIVITI EKOPELANCONGAN DI KAMPUNG TERINTIDON, KOTA BELUD.

6.1	Pengenalan	131
6.2	Dapatan kajian 3: Tahap Penglibatan Ahli Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan	131
6.3	Dapatan 4: Cabaran yang Dihadapi oleh ahli komuniti dalam aktiviti ekopelancongan di Kg Terintidon	
6.3.1	Impak Positif	153

6.3.2	Impak Negatif	167
6.4	Perbincangan Dapatan kajian	171
6.5	Kesimpulan	177

BAB 7: PENUTUP

7.1	Pengenalan	181
7.2	Perbincangan Ringkasan Penemuan kajian	181
7.3	Limitasi Kajian	186
7.4	Implikasi dan Sumbangan Penemuan Kajian Terhadap Teori, Konsep dan Polisi	187
7.5	Cadangan Kajian Akan Datang	189
7.6	Kerangka Konseptual Berdasarkan Penemuan Kajian	191
7.7	Kesimpulan	192

RUJUKAN

194

LAMPIRAN


204



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
1.1 : Peta Sabah/ Daerah Kota Belud	11
1.2 : Peta Kampung Terintidon	11
5.1 : Peta Kawasan Aktiviti Ekopelancongan Kampung Terintidon	99



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	: Teori Irritation Index oleh Doxey (1975)	24
Jadual 2.2	: Tipologi Penglibatan oleh Pretty (1995)	28
Jadual 3.1	: Senarai Informan Utama	59
Jadual 3.2	: Borang Soal Selidik (Survei)	65
Jadual 3.3	: Persampelan Kajian	66
Jadual 4.1	: Profil Informan	84
Jadual 4.2	: Demografi Responden	85
Jadual 5.1	: Pakej Harga & Jenis Perkhidmatan yang Disediakan	117
Jadual 6.1	: Responden Bekerjasama dalam Aktiviti Ekopelancongan	133
Jadual 6.2	: Responden Terlibat Secara Aktif	137
Jadual 6.3	: Responden Menghadiri Kursus Kemahiran bagi Meningkatkan Ilmu	140
Jadual 6.4	: Responden Mementingkan Kerjasama antara Ahli Komuniti	143
Jadual 6.5	: Responden Sanggup Berganti Tugas dengan Rakan <i>Guide</i>	145
Jadual 6.6	: Cabaran Terlibat dalam Aktiviti Ekopelancongan	149
Jadual 6.7	: Cabaran Kemudahan dan Fasiliti	152
Jadual 6.8	: Peluang Pekerjaan dan Pendapatan Sampingan	157
Jadual 6.9	: Pembangunan Budaya Tempatan	160
Jadual 6.10	: Nilai Kerjasama Antara Ahli Komuniti	162
Jadual 6.11	: Peningkatan Ilmu Pengetahuan	164
Jadual 6.12	: Pembangunan Kemudahan Infrastruktur	167
Jadual 6.13	: Penglibatan Komuniti Berkurangan	169
Jadual 6.14	: komuniti Tidak Terlibat Secara Aktif	170

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Teori Irritation Index oleh Doxey (1975)	23
Rajah 2.2 : Kerangka Konseptual Awal Kajian	52
Rajah 3.1 : Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	62
Rajah 3.2 : Model Analisis Data Kualitatif	71
Rajah 4.1 : Senarai Ketua Kampung Terintidon	77
Rajah 4.2 : Carta Organisasi JPKK Kampung Terintidon	79
Rajah 4.3 : Persatuan-Persatuan yang Dibentukan di Kampung	83
Rajah 5.1 : Perkembangan Penubuhan Persatuan Ekopelancongan	96
Rajah 5.2 : Perkembangan Aktiviti Ekopelancongan	98
Rajah 5.3 : Aktiviti-Aktiviti Ekopelancongan	107
Rajah 7.1 : Kerangka Konseptual Penemuan Kajian	191



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 5.1 : Merosakkan Kemudahan	94
Foto 5.3 : Merosakkan Kemudahan	95
Foto 5.5 : Pertandingan Memancing Ikan	97
Foto 5.6 : Aktiviti Rekreasi Sungai	130
Foto 5.8 : Aktiviti <i>Trekking</i> bukit Garas	131
Foto 6.1 : Penglibatan Ahli Komuniti dalam Kursus Keselamatan	178
Foto 6.2 : Penglibatan Ahli Komuniti dalam Membentuk Pintu Gerbang Kampung	179
Foto 6.3 : Jalan Turun ke Sungai telah dinaik taraf	179
Foto 1-4 : Aktiviti Keceriaan Kampung Terintidon	204
Foto 5-8 : Aktiviti Rekreasi Sungai	205
Foto 9-10 : Aktiviti Menjalankan Survei Bersama Responden	206

SENARAI SINGKATAN

UNWTO	- United Nations World Tourism Organization
RMK-12	- Rancangan Malaysia Ke-12
MOTAC	- Ministry of Tourism, Arts and Culture
SDGs	- Sustainable Development Goals
CBET	- Community Based Ecotourism
NEP	- National ecotourism plan
KATA	- Persatuan Pelancongan Kadamaian Sabah
Kg	- Kampung
JPS	- Jabatan Perikanan Sabah
SD	- Sustainability Development
WCED	- World Commission on Environment and Development
WTO	-The World Trade Organization
CBT	- Community Based Tourism
JPKK	-Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
DUN	- Dewan Undangan Negeri
KRT	- Kumpulan Rukun Tetangga
RELA	- Ikatan Relawan Rakyat
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa Guru
KEMAS	- Jabatan Kemajuan Masyarakat
JEPAM	- Anggota Pertahanan Awam
BOMBA	- Jabatan Bomba dan Penyelamat malaysia
SPSS	- Statistical Package For Social Sciences

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Kajian Lapangan	204
Lampiran B : Borang Panduan Temu Bual	207
Lampiran C : Borang Survei (Soal Selidik)	221
Lampiran D : Transkrip Temu Bual Informan	227



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan aktiviti penting dalam sektor perkhidmatan. Hal ini kerana, sumbangan daripada aktiviti pelancongan kepada pendapatan negara kian meningkat (Er Ah Choy, 2013). Berdasarkan United Nations World Tourism Organization (UNWTO) di Canada pada (1991), konsep pelancongan dilihat dari imej stereotaip iaitu berdasarkan "*holiday making*". Pelancongan didefinisikan sebagai pelancong yang mengembara dan menginap di tempat lain daripada tempat asal selama lebih dari satu tahun berturut-turut untuk masa lapang, hal perniagaan, dan untuk tujuan lain. Pelancongan dapat dikategorikan kepada empat jenis iaitu "Pelancongan antarabangsa, Pelancongan dalaman, Pelancongan domestik, dan pelancongan kebangsaan.

Pada masa kini, banyak negara dunia yang berlumba-lumba untuk memajukan industri pelancongan dalam rangka membangunkan industri tersebut. Oleh itu, banyak kawasan telah dibuka dan dimajukan untuk tujuan pelancongan. Ia bergantung kepada pihak pengurusan iaitu kawasan yang mempunyai keunikan alam semula jadi ataupun dibuka secara sengaja oleh pihak-pihak tertentu. Namun, Negara Malaysia dilihat sebagai negara yang bertuah kerana mempunyai alam semula jadi yang indah, unik dan pelbagai seperti hutan hujan tropika, iklim cuaca yang tidak melampau, banjaran gunung, pulau dan pantai serta pelbagai jenis flora dan fauna. (Jamaluddin Md. Jahi, 2009)

Namun, kewujudan wabak Covid-19 telah mengakibatkan kerugian besar terhadap ekonomi dan menyebabkan masalah kesihatan di seluruh dunia (Anderson et al., 2020; McKenna & Bargh, 1998; Brewer, 2016). Penularan wabak penyakit seperti ini telah mengakibatkan pengurangan yang mendadak dalam industri pelancongan (Abbas, 2021; Jones et al., 2015; Avery, 2010). Ia secara tidak

langsung, telah memberi kesan negatif terhadap tingkah laku pelancong serta mental mereka (Aman et al., 2019; Bauer et al., 2021; dan Park et al., 2019). Akibatnya, mereka membatalkan rancangan pelancongan kerana takut mengenai jangkitan penyakit (Mamirkulova et al., 2020; Avery, 2017; dan Meadows et al., 2019). Di sini boleh dilihat bahawa krisis juga meransang kepada pembangunan dan peralihan teknologi yang baharu (Colombo et al., 2016; dan Zeng et al., 2020). Oleh hal demikian, sebagai rakyat kita juga mengharapkan bahawa dunia dapat kembali pulih daripada impak wabak tersebut. Kajian Abbas Jaffar et al. (2021), mencadangkan bagaimana membangunkan semula industri pelancongan iaitu dengan menawarkan cadangan kepada pihak kerajaan, sarjana dan firma pelancongan untuk melabur semula dalam industri pelancongan.

Dengan itu, kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan lagi aktiviti pembangunan sektor pelancongan, ia boleh dilihat dalam RMK-12. YAB Perdana Menteri negara telah menyatakan sembilan fokus utama dan perkara pertama yang disentuh adalah berkaitan usaha mengembalikan semula momentum pertumbuhan ke atas semua sektor ekonomi dan mewujudkan sumber pertumbuhan yang baharu (MOTAC, 2021). Dalam tempoh RMK-12 ini dijangka ketibaan pelancong antarabangsa dalam sasaran 24.3 juta dan pendapatan berjumlah RM 73 bilion pada tahun 2025 manakala bagi pelancongan domestik pula sasaran pendapatan sebanyak RM 100 bilion pada tahun 2025. Sektor pelancongan yang terjejas berikutan daripada pandemik COVID-19 dijangka akan mula pulih dengan sasaran pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus (MOTAC, 2021).

Pada masa yang sama, komitmen terhadap pelancongan yang mapan dapat mengukuhkan lagi peranan pelancongan sebagai pemangkin terhadap perlindungan alam sekitar, pemeliharaan dan pemuliharaan budaya dan warisan tempatan. Usaha ini telah diselaras dengan komitmen negara terhadap agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan 17 Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Aktiviti ekopelancongan juga merupakan salah satu cabang sektor pelancongan yang lestari yang bermaksud sumber-sumber pelancongan semulajadi termasuk ekopelancongan, kebudayaan dan lain-lain yang dipulihara untuk penggunaan yang berterusan tanpa menjejaskan

peluang masyarakat kini (Honey, 2008; Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, 2010).

Sektor ekopelancongan adalah salah satu sektor yang menjadi peneraju utama bagi pembangunan ekonomi negara. Ekopelancongan didefinisikan sebagai pengembaraan ke suatu tempat yang tidak terganggu atau tidak tercemar iaitu berdasarkan objektif yang tertentu seperti untuk belajar, mengagumi, menikmati pemandangan dan tumbuh-tumbuhan serta haiwan liar seperti manifestasi budaya (Ceballos-Lascurain, 1987). Ceballos-Lascurain pada tahun (1980), merupakan antara penulis pertama yang menggunakan istilah ekopelancongan dimana ia kemudiannya telah dipopularkan dalam karya '*Ecotourism: The Potentials and Pitfalls*' (Boo, 1990):

tourism that consists in traveling to relatively undisturbed or uncontaminated natural areas with the specific objective of studying, admiring, and enjoying the scenery and its wild plants and animals, as well as any existing cultural manifestations (both past and present) found in these areas. In these terms, natural-oriented tourism implies a scientific, aesthetic, or philosophical approach to travel...The main point is that the person who practices ecotourism has the opportunity of immersing himself/herself in nature in a manner generally not available in the urban environment.

(Boo, 1990)

Ekopelancongan juga dikonsepsikan sebagai perjalanan untuk menikmati kepelbagaian dunia yang menakjubkan seperti kehidupan semula jadi dan budaya manusia tanpa menyebabkan kesan kepadanya (Tickell, 1994; Diamantis). Eagles (1997), juga mendefinisikan istilah ekopelancongan sebagai 'perjalanan untuk penemuan dan belajar tentang persekitaran semula. Pembangunan ekopelancongan ini juga memberi peluang kepada komuniti lokal dalam usaha pembangunan diri dan komuniti. Pembangunan ekopelancongan juga akan memberi kesan positif terhadap aspek-aspek lain dalam pembangunan komuniti iaitu dari aspek kesihatan, pendidikan, kemudahan asas, kepuasan hidup, emosi, budaya dan prasarana imej ruang tersebut. (Kyungmi, Muzaffer & Sirgy, 2013).

Sektor ekopelancongan yang berasaskan kepada komuniti (CBET) ini merupakan sektor pelancongan yang pesat membangun di Malaysia sejak dari tahun 90-an sehingga Malaysia menggubal pelan pembangunan iaitu National Ecotourism Plan (NEP 1996) sebagai panduan untuk membangunkan sektor ekopelancongan yang strategik dan holistik. Dengan itu, pada tahun 2016 pula, Kementerian Pelancongan dan Budaya Malaysia telah melancarkan *National Ecotourism Plan 2016-2025* untuk menggabungkan kesemua kajian mengenai ekopelancongan di bawah NEP 1996, menilai kejayaan dan kelemahan NEP 1996 serta mencadangkan polisi, strategi dan pelan tindakan untuk menambah baik lagi pengurusan dan pembangunan ekopelancongan dalam negara (Jennifer & Tom, 2007).

Dalam era mordenisasi ini, pembangunan difahami berasaskan kadar pertumbuhan secara fizikal, ekonomi dan pembangunan manusia. Menurut DeFillipis & Seagert (2012), pembangunan ini bukan bersifat mundur ke belakang, tetapi melangkah jauh maju ke hadapan. Dengan kata lain, kemajuan yang dicipta melalui pembangunan boleh juga bersifat evolusi, revolusi dan transformasi. Bagi mencapai sesuatu pembangunan, hala tuju yang paling tepat untuk dijadikan landasan ialah pembangunan mapan. Dalam pembangunan mapan, tanggungjawab negara ialah untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih baik kepada manusia, menuntut dasar pembangunan yang menyeluruh yang berpaksikan kemanusiaan (Jalaluddin, 2015).

Secara umumnya, pembangunan mapan adalah bermaksud pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa memusnahkan keperluan generasi akan datang misalnya, pembangunan bandar yang mampan harus dijalankan dengan mengambil kira keadilan sosial, keperluan asas manusia, kesihatan awam dan sebagainya (Smith, 1995). Selanjutnya, pembangunan pelancongan mapan (*Sustainable Development Tourism*) adalah pelancongan yang dibangunkan di sesuatu kawasan iaitu melibatkan komuniti dan persekitaran tanpa diubah. Persekitaran yang tanpa diubah iaitu termasuk manusia dan juga alam fizikal (Weaver, 1998). Secara ringkasnya, pembangunan pelancongan mapan ini dapat difahami sebagai pelancongan yang tidak memusnahkan alam sekitar serta merangkumi pembangunan dalam kalangan komuniti setempat.

Kajian ini ingin melihat bagaimana perkembangan aktiviti ekopelancongan berlaku di Kg Terintidon terutamanya, faktor dan tahap penglibatan ahli komuniti dalam aktiviti ekopelancongan serta cabaran yang diperolehinya. Dengan menjalankan kajian ini, penyelidik dapat menggambarkan usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli komuniti Kg Terintidon bagi membangunkan aktiviti ekopelancongan mereka. Oleh kerana, kampung ini menawarkan aktiviti pelancongan yang berasaskan komuniti, penyelidik ingin melihat bagaimana tahap penglibatan mereka dalam aktiviti tersebut. Tambahan pula, penyelidik juga ingin melihat faktor yang mendorong ahli komuniti untuk terlibat dan juga melihat bagaimana pelancongan luar bandar dibangunkan serta adakah ia memberikan manfaat kepada mereka dari segi membangunkan lagi kualiti hidup mereka.

1.2 Definisi Konsep Utama Kajian

i. Ekopelancongan

Ekopelancongan dan pelancongan ekologi adalah satu pelancongan yang menyumbang kepada pemuliharaan iaitu melalui aktiviti yang menjana ekonomi khususnya penduduk tempatan selain dapat melindungi kawasan tersebut, mewujudkan peluang pekerjaan untuk masyarakat setempat dan menawarkan pendidikan alam sekitar (Boo, 1991 dalam Shaik & Norazni, 2016). Bagi menurut Weaver (2001), ekopelancongan berasal dari perkataan Bahasa Inggeris '*ecotourism*' umumnya ia berkait kepada pengembaraan yang berasaskan alam sekitar yang bertujuan untuk menikmati dan menghayati pengalaman alam semula jadi dan kebudayaan. Selain itu, ekopelancongan juga dimaksudkan sebagai pelancongan yang berasaskan kepada penghayatan alam semula jadi dan ekologi. Dengan kata lain, ekopelancongan ini juga merupakan pengembaraan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam semula jadi untuk menikmati dan menggalakkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam semula jadi yang masih belum terusik.

Eagels (1996), telah merumuskan tujuh prinsip ekopelancongan yang wajar dijadikan panduan. Prinsip pertama iaitu ekopelancongan semestinya membawa